


1. Pada tahun kewangan 2009, Kedai Buku Ali masih merekod komputer pejabat pada harga belian iaitu RM3 000 walaupun harga pasaran ialah RM1 800.

Apakah konsep perakaunan yang terlibat?

- A Ketekalan
- B Prinsip Kos
- C Tempoh perakaunan
- D Wang sebagai ukuran

2. Rajah 1 menunjukkan Kitaran Perakaunan yang tidak lengkap.



Rajah 1

Apakah Q?

- A Pelarasan
 - B Imbangan Duga
 - C Penyata Kewangan
 - D Imbangan Duga Terlaras
3. Pernyataan manakah yang merupakan ciri sebuah milikan tunggal?
- A Liabiliti pemilik terhad
 - B Modal disumbangkan oleh pemilik
 - C Untung atau rugi dibahagi sama rata antara pemilik dan ahlinya
 - D Dikenakan cukai atas pendapatan perniagaan
4. Siapakah yang menjadi pengguna dalaman penyata kewangan?
- A Bank
 - B Akaun Belum Bayar
 - C Pengurusan
 - D Pesaing perniagaan

5. Pernyataan manakah yang menunjukkan ciri **aset bukan semasa**?
- A Mudah ditukar menjadi tunai
 - B Dimiliki untuk tujuan dijual semula
 - C Boleh digunakan untuk jangka masa panjang
 - D Boleh digunakan untuk tempoh masa yang pendek
6. Encik Sunni, pemilik perniagaan Sunni Enterprise membeli rak pameran secara kredit bernilai RM3 000 untuk kegunaan perniagaan.
Apakah dokumen yang terlibat dalam urus niaga tersebut?
- A Cek
 - B Resit
 - C Invois
 - D Bil tunai
7. Pernyataan manakah benar berkaitan diskaun niaga?
- A Galakan pembelian dalam kuantiti yang banyak
 - B Potongan daripada harga bersih dalam invois
 - C Galakan pembayaran hutang dengan segera
 - D Potongan daripada jumlah hutang
8. Maklumat apakah yang dicatat di lajur butir dalam Jurnal Belian?
- A Nama pemilik
 - B Nama Akaun Belum Bayar
 - C Nama Akaun Belum Terima
 - D Nama barang niaga
9. Kedai Perabot Boon Hwa menjual van terpakai secara kredit kepada Makmur Catering.
Buku Catatan Pertama yang manakah digunakan untuk merekod urus niaga tersebut?
- A Jurnal Am
 - B Buku Tunai
 - C Jurnal Jualan
 - D Jurnal Pulangan Jualan
10. Puan Murni telah mengambil barang niaga bernilai RM65 untuk tujuan promosi. Apakah akaun yang dikreditkan?
- A Inventori
 - B Belian
 - C Ambilan
 - D Promosi

11. Butiran manakah yang terdapat dalam Akaun Kawalan Belum Bayar?
- A Diskaun diterima
 - B Pulangan masuk
 - C Hutang lapuk
 - D Jualan
12. Antara yang berikut, pernyataan manakah yang benar tentang Imbangan Duga?
- I Menguji ketepatan catatan bergu
 - II Membetulkan kesilapan melalui jurnal khas
 - III Mempamerkan jumlah aset, liabiliti dan ekuiti pemilik
 - IV Mengandung senarai baki yang diambil daripada lejar
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
13. Pernyataan manakah yang menerangkan maksud Imbangan Duga?
- A Akaun yang disediakan untuk mencari baki akhir pada satu tarikh tertentu
 - B Akaun yang disediakan untuk mengetahui untung atau rugi perniagaan
 - C Penyata yang menunjukkan kedudukan kewangan perniagaan
 - D Senarai baki debit dan kredit yang diambil daripada lejar
14. Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan Fiqa Enterprise.
- | | RM |
|-----------------------|-------|
| Belian barang niaga | 3 000 |
| Belian alatan pejabat | 2 000 |
| Pulangan masuk | 550 |
| Pulangan keluar | 450 |
- Berapakah jumlah belian bersih?
- A RM2 450
 - B RM2 550
 - C RM4 450
 - D RM4 550
15. Butir yang manakah dicatat dalam Penyata Pendapatan dan Penyata Kedudukan Kewangan?
- A Inventori awal
 - B Inventori akhir
 - C Gaji belum bayar
 - D Insurans prabayar

- TAMAT -